

# HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

## SEKSA FIRAUN KEPADA SITI ASIAH HINGGA MATI

Sebagaimana yang disebutkan dalam majalah Qalam bilangan 20 maka di sana ditunjukkan bagaimana keberanian Siti Asiah mempertahankan barang yang hak daripada yang batil itu sehingga menjadikan Firaun serba salah yang akhirnya menjadikan ia murka kepada Siti Asiah.

(oleh Ummu Muhsin)

Geram benar hati Firaun mengetahui bahawa isterinya Asiah yang dikasih dan dicintainya telah beriman kepada Tuhan Musa dan Harun. Ia merasa kecewa oleh kerana isterinya sendiri yang sepatutnya lebih mudah ditakluk dan lebih mudah tunduk kepadanya daripada orang lain telah tidak mempercayai lagi pengakuannya menjadi Tuhan yang Maha Tinggi bahkan isterinya itu telah mengikut suatu kepercayaan yang menyalahi kepada pengakuan-pengakuannya. Oleh sebab itu sekalipun ia tersangat cinta dan kasih kepada isterinya ia tak tahan lagi bercampur gaul dengan Asiah dan mahu tak mahu terpaksalah ia mengambil keputusan bahawa jika Asiah itu tetap atas kepercayaannya maka hendaklah ia diseksa hingga mati.

Sesudah diperiksa dan diselidiki dengan saksama akhirnya didapati bahawa Asiah tidak mau mengubah imannya kepada Allah dan bersedia menanggung seksaan-seksaan daripada mengikut kehendak suaminya. Sesudah ini baharulah Firaun mulai menjalankan seksaan yang sangat hebat dan dahsyat di atas diri Asiah sehingga ia wafat di dalam seksaan yang sangat pedih itu.

Ahli-ahli tafsir ada bersalah-salahan pendapat tatkala memberi keterangan tentang penyeksaan Firaun ke atas Asiah itu. Ada yang mengatakan bahawa tatkala Asiah beriman kepada Musa badannya diikat oleh Firaun di atas empat kayu paling, kemudian di rebahkannya di atas panas yang terik dan diletakkan batu besar di atas dadanya supaya bertambah sakit dan pedih. Tetapi walaupun begitu Asiah tetap tidak mengubah perdiriannya sehingga ia wafat di bawah seksaan yang sangat zalim itu.

Lebih jauh diriwayatkan bahawa Asiah itu diseksa di panas matahari. Maka apabila Firaun berpaling kepadanya lalu malaikat menaunginya dengan mengembangkan sayapnya dan ketika itulah Asiah melihat tempatnya di syurga.

Qasim bin Abi Bazah mengatakan begini: Asiah pernah bertanya tentang siapa yang menang dan kalah di dalam pertandingan sihir di antara Musa dengan tukang-tukang sihir Firaun. Asiah mendapat jawab bahawa Musa dan Harun yang menang. Ketika mendengar kenyataan itu ia terus berkata - sekarang saya beriman kepada Tuhan Musa dan Harun. Kemudian Firaun mengutus orang kepadanya dan mengatakan kepada utusan itu menyuruh cari batu yang sangat besar dengan memerintahkan supaya batu itu ditimpakan kepada Asiah tetapi

jika ia mengubah perdiriannya maka ditetapkan Asiah itu menjadi isterinya.

Tatkala mereka membawa batu besar itu kepada Asiah dan Asiah pada ketika itu sedang mengadu ke langit yang pada masa itu dilihatnya di sanalah tempat disediakan Tuhan untuknya kelak: oleh itu Asiah tetap atas pengakuannya sehingga dicabutkan Tuhan rohnya dan mereka itu menimpakan batu besar di atas diri Asiah sedang Asiah pada masa itu tidak bernyawa lagi.

Qatadah menerangkan begini : Firaun itu ialah sederhana-derhana manusia di bumi kepada Allah dan sejauh-jauhnya daripadanya. Demi Allah tidaklah menjadi halangan kepada Asiah kerana kekafiran suaminya, ketika ia taat kepada Tuhanya supaya kamu mengetahui bahawa Allah itu Bijaksana, Adil, tidak menyeka seseorang melainkan kerana dosanya sendiri.

Dalam keterangan-keterangan di atas menunjukkan benar bahawa Asiah menerima seksaan yang sangat kejam sehingga wafatnya. Semua keterangan daripada tiga ahli-ahli tafsir itu ialah mereka mentafsirkan ayat yang kesebelas surah At-Tahrim yang maksudnya: dan Allah akan jadikan perumpamaan bagi orang-orang yang beriman itu akan isteri Firaun (Asiah) ketika ia berkata: Hai Tuhanmu! Dirikanlah bagiku pada sisimu sebuah rumah di syurga dan selamatkanlah akan daku daripada seksaan Firaun dan perbuatannya dan selamatkanlah akan daku daripada kaum-kaum yang zalim.

Apabila kita tatap dan perhati di dalam riwayat kehidupan Siti Asiah yang ditunjukkan itu patut menjadi tauladan di dalam kehidupan kita kaum ibu sekarang ini di dalam mana ada setengah-setengah suami kita memaksa supaya kita tunduk kepada dia melakukan perbuatan-perbuatan yang asi dan ditegah umpamanya telah ada mereka memaksa kepada kita minum minuman yang memabukkan bersama-sama dan lain-lain lagi dengan tidak tabik kecuali – kita taat mengikut dan tidak berani menegah kepada langkah-langkahnya itu bahkan banyak

daripada orang-orang kita yang dahulunya menjadi orang yang sentari telah berubah perdiriannya apabila ia bersuami.

Yang demikian ini tidak lain dan tidak bukan sebab-sebabnya ialah asas-asasnya tidak kuat dengan sebab itu mudah-mudahan apa yang disebut ini menjadi tauladan dan perbandingan kepada kehidupan kita.

## **WASIAH YANG BERHARGA**

Telah datang kepada ku Jibril lalu ia berkata: hendaklah engkau suruh Ibnu Auf supaya menjamu dif-difnya, memberi makan orang miskin, memberi (pertolongan kepada orang yang meminta, tetapi hendaklah ia mendahulukan orang yang dalam tanggunggannya, kerana ia melakukan itu adalah yang demikian mensucikan keadaan yang ada padanya - maksud hadith riwayat Tabrani, Hakim dan Baihaqi.

\* \* \*

“Aku takut menimpa atas umatku dua perkara:

(1) Mereka menurunkan berkeluasaan dalam makan, minum dan nafsu syahwat dan meninggalkan sembahyang : (2) dan Quran dipelajarkan oleh orang-orang munafik untuk mereka bantah dengan dia akan ahli pengetahuan” – maksud hadith riwayat Tabrani.

\* \* \*

Ada orang mengatakan lebih mudah menjaga seratus ekor kambing daripada menjaga seorang gadis, sudah terang begitu susahnya menjaga gadis itu tetapi masih banyak orang yang mempermudahkan pekerjaan memelihara dan menjaga gadis. Gadis itu tidak sahaja dipeliharanya dengan betul tetapi mereka ditaruhnya di tempat yang sangat merbahaya – dedahkan di hadapan kumbang yang berterbang setiap masa.

\* \* \*